

# Empower ECER pikat peserta baharu menerusi kejohanan sepak takraw

**Raub:** Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) melalui UMP Advanced Education terus komited mempertingkatkan pertumbuhan sosioekonomi masyarakat di daerah Raub dengan program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Usaha itu diteruskan dengan mempromosi kursus kemahiran dan latihan teknikal yang ditawarkan bagi pengambilan peserta baharu menerusi Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Raub 2021 yang berlangsung di Kompleks Sukan Komuniti Felda Tersang Tiga, di sini baru-baru ini.

Empower ECER adalah inisiatif dua hala di bawah program pembangunan modal insan yang dilancarkan oleh ECERDC sejak sedekad lalu.

Objektif utama program itu ialah untuk merapatkan jurang ekonomi antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar melalui peningkatan kemahiran dan pendapatan peserta.

Pengarah Projek Empower

ECER, Prof Madya Dr Abdul Aziz Mohd Azodeen dari Universiti Malaysia Pahang berharap program itu dapat menarik lebih banyak penyertaan daripada komuniti setempat.

"Peserta yang mendaftar sebagai pelatih bukan sahaja akan diberi pengetahuan asas berkaitan dengan kursus dipilih, tetapi mereka turut didedahkan dengan aspek keusahawanan seperti pengurusan kewangan, teknik pemasaran serta motivasi untuk melahirkan usahawan yang berjaya dengan perniagaan kukuh."

"Program ini juga bertujuan membantu komuniti setempat yang berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik terutama golongan B40, bella, ibu tunggal, asnaf dan juga penganggur."

"Dengan latihan kemahiran dan bimbingan keusahawanan program ini, peserta mampu mencari punca pendapatan yang mapan mahupun memiliki perniagaan sendiri."

"Hal ini, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup komuniti se-

Banta Harian (Nasional) 21/4/21 (Rabu) m/s 20



Peserta mendengar taklimat pada Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Raub 2021 di Kompleks Sukan Komuniti FELDA Tersang Tiga, baru-baru ini.



Pasukan memenangi Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Raub 2021 menerima hadiah.

tempat dan meningkatkan ekonomi rakyat Pahang," katanya.

Beliau juga berharap, peserta yang hadir ke Kejohanan Sepak Takraw itu tidak melepaskan peluang mendaftar kursus yang di-

tawarkan seterusnya dapat menimba pelbagai ilmu yang akan diajar oleh tenaga pengajar yang bertauilah dan berpengalaman.

Katanya, pelaksanaan program itu juga adalah untuk me-

lahirkan lebih ramai usahawan berjaya setanding dengan usahawan berjaya sedia ada.

"Kursus ditawarkan adalah percuma serta terbuka kepada semua peserta tanpa mengira bangsa, jantina dan usia.

"Peserta yang mendaftar bakal mengikuti kursus dipilih selama dua tahun sambil dipantau rapat oleh pihak ECERDC," katanya.

Pada Kejohanan Sepak Takraw itu, 24 pasukan mengesahkan penyertaan yang membabitkan 96 pemain.

Pihak pengajur turut memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat untuk menekan penularan pandemik COVID-19.

ECERDC adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk menerajui pelaksanaan Pelan Tindak Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merangkumi Pahang, Kelantan, Terengganu dan Mersing, Johor.